



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 01 Tahun 2024**

**PENERIMAAN PAKAI SURAT EDARAN**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM BERTARIKH 9 OKTOBER 2023**

**BEKAITAN PINDAAN TAFSIRAN PEGAWAI BAGI PEKELILING PERKHIDMATAN**

**SUMBER MANUSIA:PEGWAI BERTUKAR WILAYAH**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 9 Oktober 2023 berkaitan Pindaan Tafsiran Pegawai bagi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia : Pegawai Bertukar Wilayah.

**LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan (JKK) UiTM ke-103 pada 13 Januari 2009 telah meluluskan untuk menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22 Tahun 2008 : Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal bagi pegawai yang bertukar Wilayah Asal, dimana staf yang layak boleh membuat tempahan tiket kapal terbang bagi diri, pasangan dan anak-anak yang layak tanpa perlu mengeluarkan wang dahulu bagi tujuan pembelian tiket kapal terbang.

- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-188 pada 9 Disember 2022 telah meluluskan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) – Pegawai bertukar Wilayah versi 1.0 (2002) dan kuatkuasa adalah mulai 1 Januari 2022.
- 2.3 Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 9 Oktober 2023 berkaitan Pindaan Tafsiran Pegawai bagi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia:Pegawai bertukar Wilayah.
- 2.4 Mesyuarat *Nomination and Remuneration Committee* (NRC) Bil. 03/2023 pada 6 November 2023 bersetuju mengesyorkan penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 9 Oktober 2023 berkaitan Pindaan Tafsiran Pegawai bagi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia:Pegawai bertukar Wilayah beserta dengan cadangan kaedah pelaksanaan, syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) – Pegawai bertukar Wilayah dan Garis Panduan pelaksanaan yang digunapakai di UiTM dan cadangan tarikh kuatkuasa pelaksanaan pada 1 Januari 2024 untuk kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 2.5 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-193 pada 15 Disember 2023 telah meluluskan penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 9 Oktober 2023 berkaitan Pindaan Tafsiran Pegawai bagi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia:Pegawai bertukar Wilayah. Tarikh kuatkuasa adalah mulai 1 Januari 2024.

## **PELAKSANAAN**

- 3.1 Dasar dan peraturan bagi tujuan pelaksanaan serta kelayakan kemudahan untuk Pegawai bertukar Wilayah telah ditetapkan melalui MyPPSM:Pegawai bertukar Wilayah yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022. Melalui peraturan ini, Pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar Wilayah diperuntukkan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang.

3.2 Melalui Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 9 Oktober 2023 telah menambah baik dan mengemas kini peraturan yang sedang berkuatkuasa, tafsiran pegawai di bawah MyPPSM: Pegawai Bertukar Wilayah di pinda mengikut Peraturan 4 iaitu Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 seperti mana berikut:

TAFSIRAN SEDIA ADA	PINDAAN TAFSIRAN
Pegawai bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap	Pegawai bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap sementara atau kontrak ( <i>contract of service</i> )

Berdasarkan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 9 Oktober 2023 berkaitan Pindaan Tafsiran Pegawai bagi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Pegawai bertukar Wilayah, penggunaan pakai seperti berikut:

3.2.1 Tafsiran sedia ada iaitu, Pegawai bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap, dipinda kepada Pegawai bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap, sementara atau kontrak (*contract of service*).

3.2.2 Kaedah pelaksanaan ini yang dipanjangkan kepada staf lantikan kontrak (*contract of service*) yang merangkumi:

- i. Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal
- ii. Kemudahan Tambang Ihsan
- iii. Tambang Mengiringi Jenazah dan Mengurus Pemindahan Barang

3.2.3 Syarat dan kelayakan adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) – Pegawai bertukar Wilayah dan Garis Panduan pelaksanaan yang digunapakai di UiTM.

## TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 18 Januari 2024.

## TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

اوسها، تقوى، موليا

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN (MMIHRM)**  
Pendaftar

DiKelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektur UiTM Cawangan  
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian  
Semua Dekan/ Fakulti/ Akademi/ Institut  
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit  
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-BPD(PT. 6/3)  
No. Siri : 100-BPD(Bil. 01/2024)